

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Masih kritikal	Harian Metro
2	Empangan tidak penuh	Berita Harian
3	Keterangan mencukupi	Harian Metro
4	Mahkamah rayuan putuskan adalah selamat untuk mensabitkan Anwar	Bernama.com
5	Mahkamah putuskan kenyataan Anwar dari kandang tertuduh penafian samata-mata	Bernama.com
6	JKJR tekankan kepentingan topi keledar ikut piawaian sirim	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 32
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)

Masih kritikal

■ Pemberian awan di Selangor diteruskan hingga 21 April

Oleh Nur Lela Zulkipli
nurlela@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Peningkatan taburan hujan di Selangor sejak awal bulan ini masih belum mencukupi untuk mengeluarkan negeri itu daripada krisis bekalan air yang bermula sejak awal tahun ini.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pemberian Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Azhar Ishak berkata, sehingga kini paras air di empangan Selangor masih dalam keadaan kritikal walaupun sering hujan.

“Peratusan air di empangan sungai tadahan air hujan belum mencapai paras air selamat iaitu 55 peratus.

“Ini kerana kebanyakan kawasan di Selangor menerima jumlah hujan melebihi 100 milimeter (mm), namun di kawasan empangan, terutama Empangan Sungai Selangor menerima hujan kurang dari 100mm,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Katanya lagi, situasi itu menimbulkan keimbangan kepada JMM dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sama ada paras air di empat empangan di Selangor mampu mencapai 55 peratus atau sebaliknya.

“Peningkatan paras air empangan sebanyak satu peratus memerlukan jumlah hujan sebanyak 20mm, dan untuk mencapai perkadaruan 55 peratus, jumlah hujan yang diperlukan adalah lebih 360mm dengan pe-

nurunan hampir konsisten setiap hari.

“Justeru, dalam tempoh tiga minggu lagi, JMM akan terus menjalankan operasi pemberian awan kering bagi meningkatkan paras air empangan bergantung pada keadaan cuaca serta kondisi pesawat,” katanya.

Menurutnya lagi, pemberian awan di kawasan empangan di Selangor akan diteruskan sehingga 21 April depan dan jika terdapat permintaan, proses itu akan diteruskan sehingga hujung bulan ini.

Sementara itu, Penolong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Priscilla Alfred, berkata catuan air masih diteruskan kerana

hujan di tiga empangan negeri itu berikutan masih gagal mencapai paras normal bagi memastikan bekalan air mencukupi dan mampu menampung permintaan pengguna.


“Jumlah hujan belum cukup meningkatkan paras empangan, jadi catuan air diteruskan sehingga kerajaan Selangor mengeluarkan arahan menghentikannya,” katanya, semalam.

Menerusi maklumat empangan dikeluarkan oleh laman web rasmi LUAS, setakat jam 8 pagi semalam, paras air terkini di Empangan Sungai Selangor hanya mencapai 190.80 meter berbanding paras normal, 220 meter.

FAKTA
Jumlah hujan diperlukan untuk mencukupkan empangan ialah lebih 360 mm dengan penurunan konsisten setiap hari

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)**

KRISIS BEKALAN AIR



Paras air di Empangan Batu, Ulu Yam kelihatan semakin susut.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

Empangan tidak penuh

» Peningkatan jumlah hujan hanya bersifat sementara, dijangka terhenti Mei ini

Oleh Ahmad Suhail Adnan dan Siti Nursyazwani Mahalil
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Peningkatan jumlah hujan sejak awal bulan April hingga kini di Selangor, masih belum mencukupi untuk memastikan negeri itu selamat daripada krisis bekalan air, terutama bagi penduduk di sekitar Lembah Klang.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), tempoh peralihan angin monsun sepanjang April meningkatkan kelembapan dan menggalakkan pertumbuhan awan menghasilkan hujan.

Kedua-dua itu bagaimanapun, dijangka terhenti apabila tiba monsun barat daya yang dijangka pada pertengahan atau akhir Mei ini.

Peningkatan jumlah hujan itu bersifat sementara, hingga menimbulkan keimbangan sama ada paras air di empat empangan di Selangor mampu mencapai 55 peratus atau sebaliknya.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional JMM, Muhammad Helmi Abdullah, berkata kebanyakannya kawasan di negeri itu menerima jumlah hujan melebihi 100 milimeter (mm).

Namun, kawasan empangan, terutama Empangan Sungai Selangor menerima hujan kurang daripada 100mm.

Beliau berkata, peningkatan empangan sebanyak satu peratus memerlukan jumlah hujan sebanyak 20mm. Untuk mencapai perkadarannya 55 peratus, jumlah hujan yang diperlukan adalah 360mm dengan penurunan hampir konsisten setiap hari.

"Sukar untuk menjangka sama ada ada empangan di Selangor, terutama Empangan Sungai Selangor mampu mencapai paras normal sebelum

tiba bulan Jun yang akan menunjukkan perubahan musim kering yang ketara.

"Dalam tempoh tiga minggu lagi, pihak kami cuba membantu meningkatkan paras air empangan dengan melakukan pemberian awan kering, ber�antung pada keadaan cuaca serta keadaan pesawat," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kadar hujan rendah berbanding kebiasaan

Katanya, perubahan cuaca ketika ini mengikut musim, dan kadar hujan pada pertengahan Januari hingga Mac, rendah berbanding kebiasaan berikutnya sistem cuaca pada ketika itu tidak sesuai untuk pembentukan awan hujan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pemberian Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Azhar Ishak, ketika dihubungi berkata, pemberian awan kering sentiasa dijalankan sepanjang April terutama di kawasan empangan, termasuk Empangan Sungai Selangor.

Beliau berkata, kali terakhir proses itu dilakukan adalah

kelmarin di tiga empangan, iaitu Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi dan Empangan Klang Gates dan berjaya menghasilkan hujan lebat kira-kira 10 hingga 15 minit.

"Pemberian awan di kawasan empangan di Selangor diteruskan sehingga 21 April ini. Jika ada permintaan, proses ini akan diteruskan sehingga hujung bulan ini, ber�antung pada cuaca.

"Hari ini (semalam) pemberian awan tidak dapat dilaksanakan kerana kedudukan awan tinggi, namun dijangka akan ada hujan di kawasan empangan," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Priscilla Alfred, berkata catuan air masih diteruskan.

Beliau berkata, catuan berterusan disebabkan hujan di tiga empangan berkenaan masih gagal mencapai paras normal bagi memastikan bekalan air mencukupi dan mampu menampung permintaan pengguna.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 27
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)

KES LIWAT ANWAR

Keterangan mencukupi



MAHKAMAH

Putrajaya

A salah selamat untuk mahkamah mensabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap pertuduhan meliwt bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan kerana terdapat cukup keterangan untuk mengesahkan dan membuktikannya, demikian diputuskan Mahkamah Rayuan.

Mahkamah berkata malah sekiranya diandaikan tiada bukti untuk menyokong keterangan Mohd Saiful mengenai fakta berlakunya penetrasi, adalah selamat untuk mensabitkan responden (Anwar).

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Hakim Datuk Balia Yusof Wahi dalam penghakiman bertulis 85 muka surat bertarikh 11 April, berkata terdapat cukup keterangan lain yang membolehkan elemen pertuduhan dapat disahkan dan dibuktikan.

Dalam penghakiman yang diedarkan kepada media semalam, mahkamah memutuskan isu kemungkinan sampel DNA diambil daripada Mohd Saiful sudah diusik oleh pegawai penyiasat kes Superitiden Jude Blacious Pereira dan telah tercemar juga tidak dapat dibuktikan.

"Kami berpendapat andaian bahawa pegawai penyiasat telah mengusik barang bukti (sampel) tidak mempunyai merit. Kami tidak tahu

bagaimana hakim perbicaraan yang bijaksana boleh terkhilaf dalam pendapatnya," kata hakim berkenaan.

Berhubung andaian pihak pembelaan bahawa Jude telah mengusik eksibit itu, mahkamah mendapati tindakan pegawai penyiasat berkenaan membuka eksibit itu tidak menyebabkan eksibit itu tercemar.

Ketiga-tiga hakim itu berkata mereka mengambil kira penjelasan diberikan Jude berhubung tindakannya itu iaitu beliau hanya mematuhi Arahan Tetap Ketua Polis Negara.

Dua lagi hakim yang mendengar rayuan itu ialah Datuk Aziah Ali dan Datuk Mohd Zawawi Salleh.

Pada 7 Mac lepas, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Januari 2012 yang membebaskan Anwar daripada tuduhan meliwt Mohd Saiful Bukhari, 26, di sebuah unit Kondominium Desa Damansara di Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Panel itu juga berkata, mereka mendapati tiada alasan untuk mereka mengganggu penemuan hakim perbicaraan Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah mengenai isu kredibiliti Mohd Saiful dan bahawa

tiada yang tidak munasabah dengan keterangannya.

"Mengikut undang-undang, kredibiliti saksi-saksi adalah paling penting bagi hakim perbicaraan. Kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan yang bijaksana telah menimbangkan sewajarnya keterangan saksi pertama pihak pendakwa (Mohd Saiful Bukhari)," menurut panel itu.

Panel itu berkata, ini tidak mungkin disebabkan beliau (Anwar) membantah untuk memberi keterangan bersumpah kerana jika benar, beliau boleh memilih untuk berdiam diri.

"Adakah mungkin responden keberatan keterangannya disoal dalam pemeriksaan balas? Jika ya, kenapa? Beliau tidak perlu takut untuk disoal kerana beliau akan dipertahankan oleh peguamnya dan oleh mahkamah," kata panel.

Berhubung keterangan dua pakar saksi pembelaan (Dr David Wells dan Dr Brian McDonald) yang dipanggil untuk mematahkan keterangan pakar saksi pendakwa, mahkamah berkata, mereka hanyalah 'armchair expert' (pakar yang hanya pandai berteori) dan keterangan mereka hanya semata-mata pandangan, manakala keterangan ahli kimia tempatan Dr Seah Lay Hong dan Nor Aidora Saedon adalah berdasarkan fakta

dan analisis terhadap sampel yang mereka jalankan.

Panel itu juga bersetuju dengan hujahan pihak pendakwa bahawa keterangan Dr McDonald sebahagian besar berbentuk spekulasi, teori, dan andaian, sehubungan itu keterangannya tidak kukuh.

Ketiga-tiga hakim juga berkata Dr McDonald turut membayangkan **Jabatan Kimia Malaysia** tidak mempunyai akreditasi kerana telah tamat tempoh pada 2005, bagaimanapun, berdasarkan keterangan Pengarah Bahagian Forensik Jabatan Kimia, Lim Kong Boon jabatan itu mempunyai akreditasi.

Berhubung isu alibi, hakim memutuskan kegagalan Anwar untuk memanggil mana-mana saksi bagi menyokong pembelaannya telah menimbulkan keraguan bona fide ke atas pembelaannya.

Mereka berkata antara saksi yang diriamakan di dalam notis alibi ialah isteri responden dan ketua kaitangannya.

"Saksi-saksi ini sepertutnya ada dan menyebelahi responden jika alibinya adalah tulen," kata panel itu.

Mereka juga mendapati Hakim Mahkamah Tinggi membuat kesilapan yang serius apabila beliau merugui integriti sampel DNA berdasarkan keterangan yang diberi dua pakar saksi pembelaan.

Panel itu juga memutuskan keputusan hakim perbicaraan adalah cacat dan memerlukan campur tangan Mahkamah Rayuan. — BER-NAMA

FAKTA
Anwar gagal
memanggil saksi bagi
menyokong
pembelaannya

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)



Mahkamah Rayuan Putuskan Adalah Selamat Untuk Mensabitkan Anwar

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Adalah selamat untuk mahkamah mensabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap pertuduhan meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan kerana terdapat cukup keterangan untuk mengesahkan dan membuktikannya, demikian diputuskan Mahkamah Rayuan.

Mahkamah berkata malah sekiranya diandaikan tiada bukti untuk menyokong keterangan Mohd Saiful tentang fakta berlakunya penetrasi, adalah selamat untuk mensabitkan responden (Anwar).

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Hakim Datuk Balia Yusof Wahi dalam penghakiman bertulis 85 muka surat bertarikh 11 April, berkata terdapat cukup keterangan lain yang membolehkan elemen pertuduhan dapat disahkan dan dibuktikan.

Dalam penghakiman yang diedarkan kepada media Jumaat, mahkamah memutuskan isu kemungkinan sampel DNA diambil daripada Mohd Saiful telah diusik oleh pegawai penyiasat kes Superitenden Jude Blacious Pereira dan telah tercemar juga tidak dapat dibuktikan.

"Kami berpendapat andaian bahawa pegawai penyiasat telah mengusik barang bukti (sampel) tidak mempunyai merit. Kami tidak tahu bagaimana hakim perbicaraan yang bijaksana boleh terkhilaf dalam pendapatnya," kata hakim berkenaan.

Berhubung andaian pihak pembelaan bahawa Jude telah mengusik eksibit itu, mahkamah mendapati tindakan pegawai penyiasat berkenaan membuka eksibit itu tidak menyebabkan eksibit itu tercemar.

Ketiga-tiga hakim itu berkata mereka mengambil kira penjelasan diberikan Jude berhubung tindakannya itu iaitu beliau hanya mematuhi Arahan Tetap Ketua Polis Negara.

Dua lagi hakim yang mendengar rayuan itu ialah Datuk Aziah Ali dan Datuk Mohd Zawawi Salleh.

Pada 7 Mac lepas, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Jan 2012 yang membebaskan Anwar daripada tuduhan meliwat Mohd Saiful Bukhari, 26, di sebuah unit Kondominium Desa Damansara di Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Panel itu juga berkata mereka mendapati tiada alasan untuk mereka menganggu penemuan hakim perbicaraan Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah tentang isu kredibiliti Mohd Saiful dan bahawa tiada yang tidak munasabah dengan keterangannya.

"Mengikut undang-undang, kredibiliti saksi-saksi adalah paling penting bagi hakim perbicaraan. Kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan yang bijaksana telah menimbangkan sewajarnya keterangan saksi pertama pihak pendakwa (Mohd Saiful Bukhari)," menurut panel itu.

Mereka berkata mahkamah telah meneliti keterangan Mohd Saiful Bukhari dan bersetuju penuh dengan hakim mahkamah tinggi apabila beliau mendapati bahawa tidak sukar untuk memahami kenapa Mohd Saiful berbuat begitu disebalik menegaskan beliau tidak merelakan perbuatan Anwar itu.

Panel berkenaan berkata mahkamah juga bersetuju dengan keputusan hakim mahkamah tinggi berhubung kredibiliti Mohd Saiful dan tiada yang tidak munasabah dalam keterangannya.

Mereka juga menyatakan kelewatan membuat laporan polis berhubung dakwaan liwat tidak memudaratkan kes pihak pendakwaan selagi terdapat penjelasan yang kukuh dan boleh diterima berhubung kelewatan itu.

Mohd Saiful Bukhari membuat laporan polis pada 28 Jun, 2008, dua hari selepas kejadian liwat itu.

Mengenai isu pengesahan identiti "Lelaki Y", mahkamah memutuskan keterangan **ahli kimia Nor Aidora Saedon dari Jabatan Kimia Malaysia** adalah amat penting.

Ketiga-tiga hakim berkata Nor Aidora membangunkan profil DNA "Lelaki Y" daripada eksibit iaitu sebatang berus gigi berwarna putih, sehelai tuala kecil "Good Morning" dan satu botol plastik air mineral yang telah kosong yang diperolehi dari sel lokap yang Anwar merupakan satu-satunya penghuni di situ.

Selepas menjalankan analisisnya, Nor Aidora mendapati "Lelaki Y" adalah penyumbang yang sama dengan DNA diambil daripada eksibit ditemui di lokap itu dan beliau merumuskan penyumbang DNA dan "Lelaki Y" adalah daripada sumber sama.

Panel itu menegaskan undang-undang akan gagal melindungi masyarakat sekiranya mahkamah menerima kemungkinan-kemungkinan andaian yang akan merencatkan pelaksanaan undang-undang dengan adil.

Anwar dibebaskan dengan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu rayuannya di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan itu.

Beliau diwakili barisan peguam iaitu mendiang Karpal Singh, Ramkarpal Singh dan Sangeet Kaur manakala pihak pendakwa raya diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)



Mahkamah Putuskan Kenyataan Anwar Dari Kandang Tertuduh Penafian Semata-mata

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Mahkamah Rayuan di sini memutuskan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kandang tertuduh dalam pembelaan beliau bagi pertuduhan liwat hanya penafian semata-mata.

Mahkamah itu juga memutuskan penafian Anwar itu tidak menimbulkan sebarang keraguan dan menjadikan pembelaannya berwibawa yang boleh menjelaskan keterangan pihak pendakwa terhadap tertuduh.

"Ia juga adalah penting bagi responden (Anwar) menjelaskan kes beliau," kata panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan yang diketuai Hakim Datuk Balia Yusof Wahi dalam penghakiman bertulis setebal 85 muka surat yang dikeluarkan Jumaat.

Dua lagi hakim ialah Datuk Aziah Ali dan Datuk Mohd Zawawi Salleh.

Pada 7 Mac lepas, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Jan 2012 yang membebaskan Anwar daripada tuduhan meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan, 26, di Kondominium Desa Damansara di Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Mahkamah membentarkan rayuan pihak pendakwa dan mendapati Anwar bersalah bagi pertuduhan itu dan menjatuhi hukuman penjara lima tahun.

Dalam penghakimannya, panel itu berkata bagi membolehkan Anwar berjaya dalam pembelaannya, adalah wajib baginya mengemukakan bukti untuk menyangkal pertuduhan yang dihadapinya.

Bagaimanapun, dalam kes ini, Anwar tidak menafikan beliau berada di tempat kejadian jenayah pada masa dan tarikh seperti dalam pertuduhan.

"Beliau tidak mempertikaikan keretanya dilihat memasuki dan meninggalkan kondominium pada masa itu. Beliau juga tidak mempertikaikan dia telah dilihat ketika memasuki lif ke tingkat lima kondominium dan kemudian meninggalkan tempat itu," kata ketiga-tiga hakim berkenaan.

Mereka juga berpendapat bahawa hakim perbicaraan dalam kes rayuan itu mungkin juga bertanya-tanya kenapa responden (Anwar) memilih untuk memberi keterangan tidak bersumpah.

Panel itu berkata ini tidak mungkin disebabkan beliau (Anwar) membantah untuk memberi keterangan bersumpah kerana jika benar, beliau boleh memilih untuk berdiam diri.

"Adakah mungkin responden keberatan keterangannya disoal dalam pemeriksaan balas? Jika ya, kenapa? Beliau tidak perlu takut untuk disoal kerana beliau akan dipertahankan oleh peguamnya dan oleh mahkamah," kata panel.

Berhubung keterangan dua pakar saksi pembelaan (Dr David Wells dan Dr Brian McDonald) yang dipanggil untuk mematahkan keterangan pakar saksi pendakwa, mahkamah berkata mereka hanyalah 'armchair expert' (pakar yang hanya pandai berteori) dan keterangan mereka hanya semata-mata pandangan, manakala keterangan **ahli kimia tempatan Dr Seah Lay Hong dan Nor Aidora Saedon** adalah berdasarkan fakta dan analisis terhadap sampel yang mereka jalankan.

Panel itu juga bersetuju dengan hujahan pihak pendakwa bahawa keterangan Dr McDonald sebahagian besar berbentuk spekulasi, teori, dan andaian, sehubungan itu keterangannya tidak kukuh.

Ketiga-tiga hakim juga berkata Dr McDonald turut membayangkan **Jabatan Kimia Malaysia** tidak mempunyai akreditasi kerana telah tamat tempoh pada 2005, bagaimanapun, berdasarkan keterangan **Pengarah Bahagian Forensik Jabatan Kimia, Lim Kong Boon** jabatan itu mempunyai akreditasi.

Berhubung isu alibi, hakim memutuskan kegagalan Anwar untuk memanggil mana-mana saksi bagi menyokong pembelaannya telah menimbulkan keraguan bona fide ke atas pembelaannya.

Mereka berkata antara saksi yang dinamakan di dalam notis alibi ialah isteri responden dan ketua kakitangannya.

"Saksi-saksi ini sepatutnya ada dan menyebelahi responden jika alibinya adalah tulen," kata panel itu.

Mereka juga mendapati Hakim Mahkamah Tinggi membuat kesilapan yang serius apabila beliau meragui integriti sampel DNA berdasarkan keterangan yang diberi dua pakar saksi pembelaan.

Panel itu juga memutuskan keputusan hakim perbicaraan adalah cacat dan memerlukan campur tangan Mahkamah Rayuan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)



JKJR Tekankan Kepentingan Topi Keledar Ikut Piawaian Sirim

SHAH ALAM, 19 April (Bernama) -- Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) menasihatkan penunggang dan pembonceng motosikal menggunakan topi keledar dilengkapi visor yang mendapat piawaian Sirim Berhad bagi menjamin keselamatan mereka.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Tam Weng Wah berkata ini kerana tindakan segelintir penunggang dan pembonceng menggunakan topi keledar yang tidak mendapat kelulusan **Sirim** telah menyumbang kepada statistik jalan raya yang kini pada kadar 60 peratus.

"Justeru, saya menyarankan penunggang motosikal yang menggunakan topi keledar berbentuk separuh atau 'kura-kura' segera menggantikannya dengan topi keledar berpiawaian Sirim.

"Mereka tidak harus melihat perkara ini sebagai paksaan, tetapi lebih kepada soal keselamatan ketika berada di jalan raya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen keselamatan jalan raya untuk penunggang motosikal di syarikat Delta Perdana Sdn Bhd di sini hari ini.

Tam berkata JKJR sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam membuat pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penjualan topi keledar yang tidak selamat digunakan.

-- BERNAMA